

Soalan No:42

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 28.11.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana boleh berlaku sebuah parti politik secara sewenang-wenangnya menggunakan sekolah sebagai pusat dakyah politik kepartian, melibatkan murid-murid dan guru-guru sekolah berkenaan, tidak menghormati sekolah sebagai institusi a-political.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan menjemput orang kenamaan ke sekolah. Perkara ini telah dimaklumkan melalui pematuhan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2008; Mengundang Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah Dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang dimaksudkan tersebut merupakan program pertandingan yang bertemakan kemerdekaan negara dan dilaksanakan dengan kelulusan serta kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri. Program bertujuan melahirkan

generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pengisian program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut.

KPM sentiasa mengalu-alukan sebarang kerjasama pihak luar termasuklah dalam pemberian sumbangan kepada pihak sekolah tanpa melibatkan sebarang unsur politik dan kepentingan individu tertentu tertakluk kepada perundangan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

RJM87